

“Speak Up” (Bersuara)



BlueScope komited untuk menggalakkan budaya bersuara apabila terdapat sesuatu yang tidak betul, dan melindungi individu yang bersuara.

SpeakUp))

Tujuan

Di BlueScope, kami komited untuk bertindak dengan adil, beretika dan berintegriti dalam semua perkara yang kami lakukan. Dalam usaha untuk mencapai standard kelakuan tertinggi, kami menggalakkan kakitangan kita dan individu yang berinteraksi dengan kita supaya “Speak Up” (Bersuara) apabila mereka merasakan terdapat tindakan dan keputusan yang tidak betul, tidak mencerminkan “Our Bond” (Ikatan kami) atau tidak selari dengan “Code of Conduct” (Tatakelakuan) kita atau undang-undang.

Kami komited untuk menghormati individu yang ikhlas menyuarakan kebimbangan mereka, dan akan memastikan mereka disokong dan dilindungi.

Tujuan Dasar ini adalah untuk menggariskan masa dan cara membuat laporan “Speak Up” (Bersuara), dan perkara yang akan BlueScope lakukan bagi melindungi anda jika anda membuat laporan “Speak Up” (Bersuara).

Skop

Dasar ini terpakai kepada semua perniagaan yang dikendalikan oleh BlueScope Steel Limited, anak syarikatnya, entiti yang berkaitan dengannya serta:

- pegawai, kakitangan dan kontraktor semasa dan terdahulu;
- pembekal barang dan perkhidmatan (berbayar atau tidak) semasa dan terdahulu serta kakitangan mereka; dan
- saudara-mara atau tanggungan mana-mana individu dalam kumpulan di atas.

Rujukan

1. SD-BSL-LGL-P-02-01.01 “Speak Up” (Bersuara): Perlindungan Tambahan di Australia

Perkara untuk dilaporkan

Anda hendaklah membuat laporan jika anda mempunyai asas yang munasabah untuk mengesyaki bahawa BlueScope atau mana-mana kakitangannya telah terlibat, atau sedang terlibat dalam kelakuan yang:

- tidak jujur, bertujuan menipu atau berunsur rasuah;
- menyalahi undang-undang (termasuk kelakuan yang mungkin melanggar undang-undang persaingan, antisogongan, diskriminasi atau undang-undang lain);
- tidak beretika atau melanggar “Our Bond” (Ikatan Kami), “Code of Conduct” (Tatakelakuan) kita atau mana-mana dasar atau prosedur BlueScope yang lain;
- membahayakan kesihatan atau keselamatan mana-mana individu;
- boleh menyebabkan kerugian kewangan kepada BlueScope, merosakkan reputasinya atau sebaliknya menjaskan kepentingan BlueScope; atau
- melibatkan sebarang jenis salah laku lain, atau urusan atau keadaan yang tidak wajar.

Anda tidak perlu risau akan terkesan secara langsung dengan isu tersebut untuk menyuarakan kebimbangan. Apabila kebimbangan disuarakan, ini akan membantu kami mengenal pasti dan menangani hal tersebut dan menambah baik cara kita bekerja.

Apabila anda membuat laporan, kami menggalakkan anda bersikap jujur dan terbuka serta memberikan seberapa banyak yang mungkin maklumat berhubung kebimbangan tersebut.

Cara membuat laporan

Para pekerja digalakkan tampil bersuara kepada Pengurus mereka atau kepada anggota pasukan Kakitangan atau Undang-undang BlueScope.

Kami memahami bahawa dalam sesetengah keadaan anda mungkin tidak selesa untuk bercakap dengan Pengurus anda atau melaporkan masalah melalui saluran perniagaan kita yang biasa. Jika anda mempunyai masalah ini, anda boleh membuat laporan dengan:

- mendapatkan nasihat wakil Etika & Pematuhan di tempat anda, atau dengan menghubungi pasukan Etika & Pematuhan di Ibu Pejabat melalui ethics@bluescope.com; atau
- menghubungi Talian Utama “Speak Up” (Bersuara) BlueScope (dalam talian atau melalui e-mel, faks atau surat).

Talian Utama “Speak Up” (Bersuara) BlueScope adalah perkhidmatan yang diuruskan secara luaran dan tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Laporan ke Talian Utama boleh dilakukan secara tanpa nama.

Anda boleh menghantar e-mel ke Talian Utama Spaek Up (Bersuara) BlueScope melalui bluescopespeakup@deloitte.com atau bagi kaedah alternatif untuk menghubungi Talian Utama di negara anda, lawati www.bluescopespeakup.deloitte.com.au.

Jika anda mempunyai rungutan peribadi berkaitan kerja (seperti konflik antara anda dengan pekerja lain, atau keputusan tentang pemindahan atau kenaikan pangkat), rungutan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus anda atau anggota Pasukan Kakitangan BlueScope yang ditetapkan di bawah Dasar Kakitangan yang terpakai.

Tiada satupun dalam Dasar ini yang menghalang anda daripada melaporkan kebimbangan kepada pihak berkuasa kerajaan yang sesuai atau meminta nasihat undang-undang tentang hak anda.

Cara kami melindungi anda

BlueScope komited untuk melindungi semua kakitangan yang bersuara di bawah Dasar ini.

Undang-undang Australia memperuntukkan bahawa dalam sesetengah keadaan, terdapat perlindungan tambahan kepada individu yang melaporkan salah laku yang disyaki. Untuk maklumat lanjut, lihat “Speak Up” (Bersuara)-Perlindungan Tambahan.

Melindungi kerahsiaan anda

Bersuara memerlukan keberanian serta integriti dan kami komited untuk mengendalikan laporan yang dibuat di bawah Dasar ini sebagai sulit.

Jika anda membuat laporan, BlueScope tidak akan mendedahkan identiti anda melainkan telah mendapat kebenaran anda atau pendedahan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang. Anda juga boleh memilih untuk membuat laporan secara tanpa nama kepada Talian Utama “Speak Up” (Bersuara).

Maklumat tentang anda (tetapi bukan identiti anda) mungkin didedahkan sekiranya diperlukan secara wajar untuk menyiasat laporan anda, namun semua langkah yang munasabah akan diambil untuk mengurangkan risiko anda dikenal pasti. Sebarang pendedahan maklumat tanpa kebenaran akan melanggar Dasar ini.

Jika anda tidak mahu mendedahkan identiti anda kepada sesiapa di BlueScope, anda boleh membuat laporan secara tanpa nama dengan menghubungi Talian Utama “Speak Up” (Bersuara) BlueScope di www.bluescopespeakup.deloitte.com.au.

Perlindungan daripada layanan yang memudaratkan

BlueScope komited untuk melindungi anda daripada sebarang layanan yang memudaratkan akibat daripada membuat laporan di bawah Dasar ini.

Layanan yang memudaratkan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan termasuk:

- Pemecatan daripada jawatan anda kerana anda telah membuat, atau anda mungkin disyaki telah membuat laporan yang dijelaskan dalam dasar ini;
- Pelarasan tugas untuk memberi kesan negatif kepada anda;
- Diskriminasi, gangguan, pembulian atau ugutan;
- Kemudaratkan psikologi;
- Kerosakan pada harta, reputasi atau kedudukan kewangan anda; atau
- Sebarang kecederaan lain atau layanan tidak adil berhubung dengan tindakan anda bersuara.

Sebarang layanan yang memudaratkan adalah pelanggaran yang serius terhadap Dasar ini dan perlu dilaporkan dengan segera melalui mana-mana saluran yang disenaraikan di bahagian ‘Cara Membuat Laporan’ dalam Dasar ini.

BlueScope tidak bertolak-ansur terhadap tindakan balas atau tindakan buruk berhubung dengan laporan di bawah dasar ini dan akan mengambil tindakan tatatertib yang mungkin merangkumi pemberhentian kerja terhadap sesiapa yang terbukti telah terlibat dalam layanan yang memudaratkan terhadap individu yang bersuara atau yang terlibat dalam suatu penyiasatan.

Menyokong anda

BlueScope akan memastikan anda disokong semasa dan selepas proses penyiasatan selaras dengan “Our Bond” (Ikatan Kami), dasar HSE & Kakitangan kita serta undang-undang. Sokongan tersedia melalui pasukan Kakitangan.

Sokongan luar profesional percuma yang bebas daripada BlueScope juga mungkin tersedia di kawasan anda. Rujuk tapak intranet di tempat anda atau hubungi Pasukan Kakitangan untuk butirannya.

Cara kami menyiasat laporan

Semua laporan yang dibuat di bawah Dasar ini akan diperlakukan dengan serius dan penuh hormat. Setiap laporan akan dinilai dan disiasat secara objektif dan adil, dan sebagaimana yang munasabah dan sewajarnya dengan mengambil kira sifat perbuatan dan keadaan yang dilaporkan.

Sekiranya sesuai, anda akan diberikan maklum balas berhubung dengan kemajuan dan/atau keputusan penyiasatan (tertakluk pada pertimbangan privasi individu yang membuat laporan).

Mana-mana individu yang membuat laporan di bawah Dasar ini akan dilayan dengan adil, selaras dengan “Our Bond” (Ikatan Kami) serta Dasar HSE & Kakitangan kita.

Kewajipan pekerja berhubung dengan salah laku yang disyaki

BlueScope mengharapkan mana-mana pekerja yang menyedari suatu salah laku sebenar atau mengesyaki secara wajar tentang suatu salah laku, akan membuat laporan di bawah Dasar ini.

Ketersediaan Dasar ini

Dasar ini tersedia dalam intranet BlueScope, dan juga di luar, iaitu di tapak web BlueScope.

Latihan berhubung dengan dasar ini disediakan kepada semua pegawai, pekerja dan kontraktor BlueScope sebagai sebahagian daripada proses pelantikan mereka dan latihan mandatori yang berterusan.

Jika anda memerlukan sebarang penjelasan atau maklumat tentang dasar ini, sila hubungi wakil Etika & Pematuhan di tempat anda atau hantar e-mel kepada pasukan Etika & Pematuhan di Ibu Pejabat (ethics@bluescope.com).

Semakan

Dasar ini akan disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan pengendaliannya dilakukan dengan berkesan.

Kami menghargai keterangkuman dan menggalakkan Kakitangan kami untuk berkongsi idea dan maklum balas mereka. Kami komited untuk memupuk budaya bersuara apabila terdapat sesuatu yang tidak betul.